



UKM, FRIM Jalin Kerjasama Penyelidikan Perubahan Iklim



Oleh Asmahanim Amir
Foto Abd Ra'ai Osman

BANGI, 13 April 2016 – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menjalinkan kerjasama dalam membangunkan penyelidikan perubahan iklim di Malaysia.

Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr Abdul Latif Mohmod berkata kerjasama itu melibatkan para penyelidik UKM dan FRIM dalam kajian berkenaan perubahan yang berlaku pada hutan hujan tropika Malaysia.

"Kerjasama tersebut bukan sahaja melibatkan isu perubahan iklim tetapi turut melibatkan

Artikel Lain

[Peranan Peguam Korporat Semakin Signifikan Berbanding Dahulu – Prof Akira Saito](#)

[13 Pelajar PhD Kongsi Hasil Penyelidikan](#)

[Alumni disaran Terus Sokong UKM](#)

[UKM Promosi Konsep Perniagaan Sosial Kepada Pelajar](#)

[Hampir 700 Peserta Sertai Larian Kanser UMBI 2017](#)

[KSBM Ukur Standard Penguasaan Bahasa Melayu – Prof Dato' Dr. Teo Kok Seong](#)

[UKM Lahir Pelajar Holistik dan Seimbang](#)

[Hari DNA UMBI Pupuk Minat Sains Kepada Masyarakat](#)

[UKM Tubuh Anjung Santai UKM4BANGI Galak Pembudayaan Ilmu](#)

[Rakyat Perlu Aktif Untuk Sihat – Dato' Wira Othman Aziz](#)

[Bidang Seni Penting Untuk Modal Insan](#)

[Fiesta Ranggoli Kutip Sumbangan RM25,000](#)

[NEON RUN WARNAI PENUTUPAN KARNIVAL RAKAN MUDA](#)

[UKM Terus Aktif Menyokong Komuniti Akademik ASEAN](#)

[Pelajar UKM Rangkul Naib Johan Tilawah Universiti ASEAN](#)

[Kongres Budaya 2017 Mengetengahkan Hak Kepentingan Bahasa Melayu – Rais Yatim](#)

[UKM-Politeknik Negeri Medan Jalin Kerjasama](#)

faktor-faktor lain seperti biodiversiti dan ekosistem,” katanya kepada pemberita selepas kedua-dua pihak menandatangani memorandum persefahaman mengenai kerjasama tersebut.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali berkata UKM telah mengorak langkah bagi menjalankan penyelidikan terhadap peningkatan kesan karbon dioksida ke atas ekosistem hutan melalui pengwujudan stesen-stesen penyelidikan *Free Air CO₂ Enrichment* (FACE) di kawasan hutan Fernarium UKM.

UKM juga memiliki sistem *Automated CO₂ glasshouse* bagi menjalankan kajian berkaitan tindakbalas spesis tumbuhan terhadap peningkatan kesan CO₂, yang merupakan gas utama menyebabkan kesan rumah hijau dan pemanasan global.

Beliau berharap agar khidmat nasihat dan kepakaran penyelidik UKM dan FRIM dalam projek itu dapat memberikan lebih banyak maklumat berkaitan dengan proses adaptasi ekosistem hutan tropika dan kaitannya dengan peningkatan kesan karbon dioksida di

atmosfera. 

[Sukarelawan Temasya Kuala Lumpur 2017 Lahir Bakal Pemimpin](#)

[Pelajar Perlu Bersedia Memenuhi Tuntutan Pasaran Kerja – Dato' Sri Ismail](#)

[Sukan Kukuhan Perpaduan Kaum](#)





[Penafian](#) [Dasar Keselamatan](#) [Dasar Privasi](#) [Penafian Terjemahan Bahasa Ketiga](#)



Pusat Komunikasi Korporat
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi Selangor, MALAYSIA
Tel: +603 8921 4908/ 5540/ 3370
Fak: +603 8921 4097
E-mel: pkk@ukm.edu.my
Bantuan Teknikal: webmaster@ukm.edu.my

Hakcipta © 2017 Universiti Kebangsaan Malaysia

Web ini boleh diakses menggunakan peranti pintar. Paparan terbaik menggunakan pelayar web versi terkini pada resolusi minimum 1024x768.
Untuk penjelasan lanjut boleh dibaca [di sini](#).

[v6.7.2](#)